PROGRAM 1

ReTech: Program Baik Pulih & Kitar Semula Barangan Elektrik



1.0 PENGENALAN

ReTech merupakan sebuah program kelestarian yang memberi perhatian kepada usaha membaik pulih dan mengitar semula barangan elektronik yang rosak atau tidak lagi digunakan di kawasan UTeM. Program ini menggunakan konsep *"Repair, Reuse, Revive"* sebagai galakan kepada warga UTeM untuk membaiki barangan yang masih boleh berfungsi, menggunakan semula komponen yang sesuai dan mengitar semula barangan elektronik yang sudah rosak.

Dalam era globalisasi, masyarakat kita kurang menyedari kegunaan alternatif bagi barangan elektronik selain daripada kegunaan utamanya. Sebagai contoh, komponen daripada kipas meja atau soket sambungan yang rosak boleh digunakan semula sebagai sebahagian daripada peralatan elektrik yang lain. Selaras dengan program ReTech, program ini menerima

pelbagai barangan elektrik dan elektronik yang sudah rosak atau tidak lagi digunakan seperti lampu meja, pengecas, pemanas air dan lain-lain. Program ini bertujuan mengurangkan jumlah sisa elektronik, menjimatkan sumber serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan sisa elektronik secara berhemah dalam kalangan masyarakat.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program **ReTech** telah diadakan pada **6 Jun 2026** dan bertempat di **Kolej Kediaman Lekiu**. Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI)**.

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran warga kampus tentang kegunaan alternatif barangan elektronik serta kepentingan menjimatkan sumber semula jadi. Melalui program ini, pelajar dan warga UTeM dapat lebih menghargai barangan elektronik yang digunakan serta menambah pengetahuan tentang kegunaan alternatif barangan elektrik dan elektronik.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

- **8.30 pagi:** Program bermula, pengumpulan barang elektrik dan elektronik yang sudah rosak dimulakan
- **1.00 petang:** Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan para pelajar, warga UTeM serta orang awam tentang kepentingan mengitar semula barangan elektrik dan elektronik yang sudah rosak. Selain itu, para pelajar juga dapat mempelajari kegunaan alternatif bagi barangan elektronik yang sudah rosak.

Melalui program yang telah dilaksanakan, antara pengajaran yang boleh diambil ialah pengurusan sisa elektronik merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan penglibatan setiap individu. Individu yang lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan serta kelestarian alam sekitar akan dapat mengurangkan pencemaran dan pembaziran sumber, terutamanya apabila seluruh masyarakat bekerjasama dan bertanggungjawab dalam hal ini.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/censeiutem/posts/pusat-alam-sekitar-pintar-censei-dengan-kerjasama-kolej-kediaman-lekiu-akan-meng/1381718930647850/?utm_source=chatgpt.com

Diakses pada 23 ogos 2026

PROGRAM 2

1.0 PENGENALAN

Plogging merupakan aktiviti yang menggabungkan dua perkataan, iaitu *jogging* (berjoging) dan *plocka upp* (pick up), sebuah perkataan dalam bahasa Sweden yang bermaksud “memungut”. Aktiviti ini diperkenalkan di Sweden sekitar tahun 2016 oleh Erik Ahlström dan kemudiannya berkembang sebagai gerakan komuniti di pelbagai negara.

Plogging bukan sahaja membantu meningkatkan kecergasan fizikal, malah juga mengekalkan kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Secara keseluruhannya, aktiviti ini dapat memupuk kesedaran sivik, semangat kesukarelawanan, kerjasama dan tanggungjawab terhadap kebersihan kampus. Selain itu, *plogging* turut menyokong beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), khususnya SDG 3, SDG 11, SDG 12 dan SDG 13. Tuntasnya, program ini menggalakkan gaya hidup sihat di samping mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan lestari.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program **Plogging** ini telah diadakan pada **18 Ogos 2026** dan bertempat di **Bukit UTeM.** Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar dan pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

Pada hari program tersebut, para pelajar berkumpul di lokasi yang telah ditetapkan dan menghadiri sesi pendaftaran serta taklimat ringkas berkaitan laluan, keselamatan dan kaedah pengumpulan sampah. Aktiviti kemudiannya dimulakan dengan sesi memanaskan badan sebelum para pelajar berjalan atau berjoging sambil mengutip sampah di sepanjang laluan menuju ke puncak Bukit UTeM. Antara sisa yang berjaya dikutip ialah tali pemotong rumput dan botol plastik. Aktiviti ini bukan sahaja membantu membersihkan kawasan persekitaran, malah turut memupuk semangat kerjasama, kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar serta pengamalan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta. Setelah tiba di puncak, para pelajar berehat dan menjalani sesi bergambar sebelum bersurai.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

- **5.30 petang**: Para pelajar berkumpul di lokasi yang telah ditetapkan di Bukit UTeM
- **5.45 petang**: Taklimat berkaitan aktiviti dan keselamatan diberikan serta peralatan seperti beg sampah dan sarung tangan diagihkan
- **5.55 petang**: Para pelajar berjalan menuju ke puncak Bukit UTeM sambil mengutip sampah di sepanjang laluan.
- **6.15 petang**: Para pelajar berehat sambil menikmati suasana dan pemandangan di kawasan puncak.
- **6.20 petang**: Para pelajar berkumpul untuk mengambil gambar bersama.
- **6.30 petang**: Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Plogging menggabungkan aktiviti berjoging dengan aktiviti mengutip sampah bagi memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Melalui aktiviti ini, para pelajar dapat menyedari kepentingan kerjasama dan sikap prihatin dalam memastikan persekitaran sentiasa bersih

Selain itu, projek ini juga mendidik para pelajar untuk mengurus masa dan tugasan dengan lebih sistematik, terutamanya dalam persediaan, pelaksanaan dan pengemasan aktiviti. Secara keseluruhannya, *plogging* memberikan pengalaman yang positif dalam membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta meningkatkan kemahiran kerja berpasukan dan pengurusan masa.

PROGRAM 3

PROGRAM JUALAN BAJU MURAH



1.0 PENGENALAN

Program ini merupakan kerjasama antara Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI) dengan Kolej Kediaman Lekiu. Program ini diadakan bersempena dengan Karnival Planet Lestari UTeM 2026. Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mengurangkan sisa tekstil melalui konsep guna semula. Program ini juga dapat memberi peluang kepada warga UTeM untuk membeli pakaian yang berkualiti dan harga yang berpatutan pada harga RM5 sehelai.

Program ini dianjurkan di bawah program Karnival Planet Lestari (KPL) yang dibuat bersempena dengan penyambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2026 yang disambut pada setiap tahun pada 5 Jun. Karnival Planet Lestari (KPL) ini merupakan inisiatif berterusan CENSEI bagi menggalakkan amalan kitar semula dan pengurusan sisa secara sistematik dalam kalangan warga UTeM

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program ini dilaksanakan pada **6 Jun 2026** selaras dengan Penganjuran Karnival Planet Lestari (KPL). Program ini dilaksanakan di **Perkarangan Kolej Kediaman Lekiu, UTeM**. Program ini bermula pada pukul **8.00 Pagi hingga 1.00 Tengah Hari.**

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

- **8.00 pagi** - Program bermula dan orang ramai boleh mula membeli baju
- **1.00 tengah hari** - Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program ini dapat mendidik warga UTeM tentang cara mengurus sisa tekstil dengan betul melalui konsep kitar semula. Program ini juga dapat memberikan peluang kepada sesiapa yang mempunyai baju yang masih bersih dan elok untuk dijual, serta mengelakkan daripada pembuangan sisa tekstil. Hal ini juga telah membantu para pelajar untuk membeli pakaian yang elok dalam harga yang murah.

Secara keseluruhannya, program ini memberikan pendedahan kepada warga UTeM tentang kepentingan menguruskan sisa tekstil secara berhemah melalui konsep guna semula serta menggalakkan amalan kelestarian dalam kehidupan seharian.

4.0 RUJUKAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka. (2026, June 6). Karnival Planet Lestari (KPL) UTeM 2026 [Facebook post]. Facebook. https://www.facebook.com/share/1Hh9EhRGnL/

PROGRAM 4

PROGRAM TRASH TO CASH SIRI 2



1.0 PENGENALAN

Program ini merupakan kerjasama antara Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI) dengan SWCorp Malaysia dan Kolej Kediaman Lekiu. *Trash to Cash* merupakan konsep bagi menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan kitar semula melalui menjual barangan yang boleh di kitar semula. Setelah menjual barangan tersebut, pemulangan duit mengikut nilai

ditetapkan akan diberikan. Program Trash to Cash Siri 2 dianjurkan sempena Karnival Planet Lestari UTeM 2026

Program ini bertujuan agar dapat menggalakkan amalan pengasingan sisa secara berintegriti, meningkatkan kadar kitar semula kampus serta memberi peluang kepada warga UTeM menjana pendapatan melalui bahan kitar semula yang masih bernilai.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Antara barangan yang diterima ialah kertas, kotak, tin aluminium, *E-waste*, botol plastik, fabrik atau pakaian terpakai serta minyak masak terpakai. Program ini telah diadakan pada **6 Jun 2026 dari** jam **8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari** di **Perkarangan Kolej Kediaman Lekiu.** Tarikh yang lebih awal disediakan iaitu pada 5 Jun 2026 di Bilik TV, Kolej Kediaman Satria Lekiu bagi sesiapa yang tidak berkesempatan. Harga bagi minyak terpakai ialah RM 3.00 bagi setiap kilogram minyak.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

- 8.30 pagi -Program bermula dan orang ramai boleh mula menjual barangan terpakai
- 1.00 tengah hari– Program tamat

Program ini telah berjaya mengumpulkan 806.5 kg barangan kitar semula hasil penyertaan warga kampus.

Jumlah Kutipan:

• Minyak masak terpakai – 318.0 kg

• Plastik – 213.5 kg

• Kertas – 75.0 kg

• Fabrik – 65.0 kg

• *E-Waste* – 60.5 kg

• Besi – 45.5 kg

• Kotak – 15.5 kg

• Tin aluminium – 8.5 kg

• Tembaga kuning (Brass) – 5.0 kg

Jumlah Keseluruhan: 806.5 kg

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program ini dapat membantu mengurangkan sisa ke tapak pelupusan yang semakin banyak kerana pencampuran pelbagai jenis sampah dalam satu beg sampah. Selain itu, program ini juga mampu memberi pendedahan kepada warga UTeM tentang cara untuk mengasingkan barang kitar semula dan kepentingan kitar semula.

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/share/19fHUjwR1g/

https://www.facebook.com/share/1KDmpQ9jxT/

PROGRAM 5

PROGRAM BRING YOUR OWN CONTAINER (BYOC)



1.0 PENGENALAN

Bring Your Own Container (BYOC) ialah suatu amalan membawa bekas sendiri semasa membeli makanan atau minuman. Amalan ini dapat bantu mengurangkan penggunaan bekas makanan plastik pakai buang yang boleh menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Selain itu, program ini dapat menanam kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dalam diri masyarakat dan seterusnya melahirkan masyarakat yang menjaga alam sekitar.

Program ini menyediakan hadiah bekas makanan guna semula kepada sesiapa yang menjawab kuiz. Bekas makanan ini dapat digunakan oleh pelajar ketika membungkus makanan di kafeteria, sekali gus mengurangkan tahap pencemaran alam sekitar di UTeM.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program **Bring Your Own Container (BYOC)** telah berjaya dilaksanakan pada **11 Ogos 2026** dan bertempat di **Kafeteria Kolej Kediaman Satria, Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**. Program ini melibatkan penglibatan aktif pelajar daripada Diploma Sains Komputer (DFDS) S2 serta mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelajar pengambilan baharu diploma, pelajar ijazah sarjana muda dan para pensyarah yang berkunjung ke Kafeteria Satria. Program ini turut mendapat sokongan daripada **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi)** yang prihatin terhadap isu kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut:

• **11.30 pagi** : Semua ahli kumpulan berkumpul di Kafeteria Satria bagi membuat persiapan awal. Ahli kumpulan turut membawa serta menyusun barangan dan kelengkapan yang diperlukan sebelum program bermula.

• **12.00 tengah hari** : Taklimat ringkas oleh ketua kumpulan mengenai objektif program, langkah-langkah keselamatan, serta penerangan tentang aktiviti yang akan dijalankan.

• **12.15 tengah hari** : Aktiviti dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai program BYOC, diikuti dengan kuiz interaktif berkaitan alam sekitar dan kesan pengurangan plastik melalui Google Form yang boleh diakses dengan mengimbas kod QR pada poster.

• **2.30 petang** : Aktiviti selesai dan semua ahli kumpulan mengemas barang sebelum bersurai.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Projek Bring Your Own Container (BYOC) telah meningkatkan kesedaran tentang impak negatif penggunaan bekas pakai buang yang berterusan terhadap alam sekitar. Berdasarkan perbincangan di kafeteria, didapati bahawa walaupun ramai warga UTeM mengetahui kebaikan amalan ini, segelintir daripadanya masih kurang mengamalkannya kerana dianggap menyusahkan. Bagi mengatasi isu tersebut, aktiviti seperti kuiz, permainan mini dan pemberian hadiah bekas makanan telah berjaya menarik minat serta menyampaikan maklumat alam sekitar kepada warga kampus.

Kesimpulannya, projek ini membuktikan bahawa penjagaan alam sekitar boleh bermula daripada amalan harian yang mudah. Program ini diharapkan bahawa usaha ini dapat mendidik warga UTeM untuk membudayakan amalan membawa bekas sendiri secara konsisten.

PROGRAM 6

PROGRAM PLOGGING DEMI KELESTARIAN TASIK UTEM



1.0 PENGENALAN

Plogging merupakan aktiviti gaya hidup sihat yang menggabungkan senaman berjoging atau berjalan kaki dengan usaha mengutip sampah bagi memelihara kelestarian alam sekitar. Aktiviti ini sangat penting kerana amalan pembuangan sampah secara tidak bertanggungjawab, terutamanya di kawasan tasik dan rekreasi telah menjejaskan keindahan serta kualiti ekosistem.

Sehubungan dengan itu, projek *Plogging*: Lestari Tasik UTeM dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini di samping meningkatkan kesedaran peserta tentang kepentingan

menjaga alam sekitar. Projek berkumpulan ini bukan sahaja membersihkan kawasan persekitaran Tasik UTeM, malah memupuk nilai kerjasama, tanggungjawab dan amalan pengurusan sisa yang baik dalam kalangan peserta.

Secara keseluruhannya, inisiatif proaktif ini membuktikan bahawa pemeliharaan kebersihan alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama dalam kalangan seluruh warga kampus demi kesejahteraan masa depan.

2.0 PELAKSANAAN PROGRAM

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Program

Program ini dilaksanakan pada **12 Ogos 2026** di **Tasik Cemerlang dan Tasik Gemilang, Kampus Induk UTeM** dengan penglibatan **pelajar Diploma Sains Komputer (DFDS S2G2 dan DFDS S2G1).** Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran warga kampus mengenai isu pencemaran dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab. Menerusi pelbagai aktiviti seperti *plogging,* pertandingan visual impak pencemaran dan kuiz alam sekitar, para peserta bukan sahaja memperoleh kefahaman tentang pemuliharaan alam sekitar malah memperolehi pengalaman praktikal secara langsung dalam mengekalkan kebersihan kawasan tasik.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti berikut :

- **5.00 petang** : Kehadiran pelajar dan pensyarah di kawasan Tasik Cemerlang dan Tasik Gemilang, Kampus Induk UTeM
- **5.10 petang** : Sesi taklimat berimpak tinggi yang merangkumi objektif program, protokol keselamatan, serta skop aktiviti yang bakal dilaksanakan.

- **5.20 petang** : Aktiviti senamrobik ringkas sebagai sesi pemanas badan
- **5.30 petang** : Aktiviti utama, iaitu *plogging,* bermula
- **6.50 petang** : Peserta bersurai

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Pelaksanaan projek *Plogging*: Lestari Tasik UTeM memberikan pengalaman berharga kepada kumpulan pelajar DFDS S2 melalui sumbangan kepada kebersihan persekitaran dan pemantapan kemahiran diri. Aktiviti ini dapat membantu para pelajar untuk memupuk semangat kerja berpasukan, sikap saling membantu serta bertolak ansur ketika membersihkan kawasan pinggir tasik demi memastikan kelancaran program.

Selain itu, para pelajar mempelajari pelbagai perkara penting dalam aspek pengurusan projek seperti kepentingan perancangan, pengurusan masa, dan komitmen bersama untuk mencapai objektif program. Pengalaman melihat sendiri oleh pelajar terhadap jumlah sampah di sekitar tasik juga telah meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar menerusi tindakan secara langsung.

Secara keseluruhannya, pengalaman yang merangkumi aspek kepimpinan, kerjasama, dan keprihatinan terhadap alam sekitar ini menjadi panduan penting bagi mereka untuk merancang serta melaksanakan program yang lebih baik pada masa akan datang.

PROGRAM 7

PROGRAM "JUALAN PRODUK EKONOMI KITARAN"



1.0 PENGENALAN

Jualan produk ekonomi kitaran merujuk kepada sebuah acara jualan produk-produk yang dihasilkan menggunakan bahan-bahan barangan terpakai yang didapati daripada pusat kitar semula atau secara pengumpulan sendiri. Program ini dijalankan dengan tujuan untuk mendidik pelajar-pelajar kolej tentang amalan 3R,

Selain itu, produk kitar semula ini dijual bagi mengurangkan pembuangan bahan yang tidak terbiodegradasi. Hal ini kerana isu pelupusan barangan yang boleh dikitar semula perlu diberikan tumpuan dengan penggunaan semula barangan terpakai sebagai produk yang baharu.

Contohnya, pasu botol air plastik, bekas alat tulis tin terpakai dan buku tulis kertas kitar semula. Kemudian, program juga dijalankan atas tujuan bagi mengumpul dana untuk universiti. Hasil pendapatan daripada jualan produk boleh digunakan untuk membiayai pembinaan infrastruktur hijau di kampus UTeM.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Projek

Pelaksanaan program **JUALAN PRODUK EKONOMI KITARAN** telah dilaksanakan pada **6 Jun 2026** dan bertempatan di **pekarangan Kolej Kediaman Lekiu.** Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI)**

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran pelajar kampus berkenaan pencemaran alam sekitar serta cara penggunaan semula barang terpakai secara berhemat. Melalui aktiviti sebegini, pelajar-pelajar kampus akan memahami kepentingan menggunakan semula barangan terpakai bagi memelihara alam sekitar dan secara tidak langsung juga memberikan sokongan kepada pembangunan produk hijau.

2.2 Jadual Pelaksanaan Program

Jadual aktiviti adalah seperti yang berikut:

- **8:30 pagi:** Program jualan produk hasil barangan kitar semula dijalankan
- **1:00 tengah hari:** Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Tujuan projek penjualan produk hasil barangan terpakai adalah untuk meningkatkan pengetahuan dalam kalangan pelajar berkenaan kepentingan 3R dan pembangunan produk hijau terhadap pemeliharaan alam sekitar. Selain itu, pendapatan hasil jualan produk hijau juga boleh digunakan untuk membangunkan pelbagai jenis teknologi hijau di kampus.

Melalui program yang telah dilaksanakan ini, pelajar yang mengambil bahagian akan dapat membeli pelbagai produk ekonomi kitaran yang menarik dan secara tidak langsung menyalurkan sumbangan dana kepada institusi pembelajaran awam seperti UTeM.

PROGRAM 8

PROGRAM "ECO TREASURE HUNT"



1.0 PENGENALAN

Treasure Hunt merujuk kepada frasa Bahasa Inggeris yang bermaksud "buru harta" merupakan sejenis permainan berfokuskan mencari barang-barang yang telah disembunyikan oleh pihak penganjur. Namun, dalam konteks pemeliharaan alam sekitar, program *ECO TREASURE HUNT* merujuk kepada sejenis permainan yang melibatkan para peserta bertanding secara berkumpulan untuk mengumpulkan barangan terbuang pada tempat-tempat yang telah ditetapkan.

Tujuan program ini dijalankan adalah untuk menanamkan budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat pelajar di kolej UTeM. Hal ini kerana isu pembuangan sampah dan

barangan terpakai secara tidak berhemat masih berleluasa dalam kalangan murid dan sering kali dipandang remeh.

Selain itu, kawasan kolej akan menjadi lebih bersih kerana penglibatan pihak mahasiswa dalam pengumpulan barangan boleh dikitar semula. Hal ini kerana permainan *Treasure Hunt* berasaskan konsep yang kompetitif serta sistem ganjaran yang lebih berharga bagi kumpulan-kumpulan yang mempunyai lebih banyak markah. Sistem sebegini akan meningkatkan semangat peserta untuk memenangi pertandingan, secara tidak langsung juga membersihkan kawasan kampus UTeM.

Oleh itu, golongan mahasiswa perlulah mengambil berat dan memainkan peranan berkenaan isu pencemaran yang boleh dielakkan supaya menjadi seorang individu yang bermoral dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Projek

Program **ECO TREASURE HUNT** telah dilaksanakan pada **6 Jun 2026** di lokasi **Kolej Kediaman Satria, PPP** dan **Sasana Niaga**. Program ini melibatkan penglibatan aktif para pelajar serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

Program ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam masyarakat pelajar di kolej UTeM berkenaan dengan kepentingan mengamalkan amalan kitar semula serta kesan amalan hijau terhadap alam sekitar. Program ini merupakan usaha bagi mendidik warga universiti agar dapat memahami kepentingan mengamalkan pengasingan sampah yang boleh dan tidak boleh dikitar semula. Selain itu warga universiti juga dapat belajar kepentingan kerjasama dalam memelihara alam sekitar.

2.2 Jadual Pelaksanaan Projek

Jadual aktiviti adalah seperti yang berikut:

- **8:30 pagi:** Semua kumpulan yang berasaskan 5 orang bersedia untuk melalui tugasan yang perlu diselesaikan secara berkumpulan di beberapa titik yang ditetapkan
- **1:00 tengah hari:** Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program ini merupakan sebuah taktik pendidikan terhadap golongan pelajar yang matang berkenaan kepentingan bekerjasama dalam memastikan kelestarian alam terjaga. Dengan menggunakan aktiviti yang menyeronokkan seperti *Treasure hunting*, matlamat pendidikan yang ditetapkan oleh **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI)** akan dapat dicapai.

Pada pengakhiran program, para mahasiswa yang mengambil bahagian akan dapat mengetahui cara-cara untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih mesra alam, secara tidak langsung juga membersihkan kawasan kampus. Selain itu, nilai kerjasama di antara golongan pelajar akan diintegrasikan dalam kehidupan seharian mereka.

PROGRAM 9

PROGRAM "PAMERAN DAN POC BASIKAL DAN MOTOSIKAL ELEKTRIK"



1.0 PENGENALAN

Pameran teknologi merupakan sejenis taktik pengiklanan yang dianjurkan oleh sebuah syarikat untuk menarik minat para pelanggan terhadap produk mereka. Pameran teknologi mobiliti hijau dianjurkan untuk mendidik masyarakat berkenaan kenderaan alternatif yang dihasilkan dengan tujuan mengurangkan jejak karbon. Ini kerana isu pencemaran alam akibat penghasilan gas rumah hijau oleh pembakaran bahan api fosil merupakan isu yang sukar dielakkan atas sebab penggunaan pengangkutan peribadi.

Pengunjung yang mengambil bahagian dapat memperoleh penerangan secara terperinci berkenaan kelebihan kenderaan elektrik berbanding kenderaan konvensional dan cara penggunaannya. Kesan yang diharapkan oleh penganjur adalah untuk meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik dalam kalangan masyarakat sebagai sebuah inisiatif untuk mengurangkan penghasilan gas rumah hijau ke atmosfera.

Selain itu, pameran kenderaan konsep juga boleh meningkatkan persaingan antara syarikat untuk menghasilkan inovasi hijau yang bermanfaat kepada kelestarian alam sekitar. Natijahnya, syarikat-syarikat kenderaan elektrik akan bersaing untuk menghasilkan kenderaan mesra alam yang idaman dengan kos yang lebih rendah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan hijau.

Oleh itu, para mahasiswa amat diharapkan untuk menghadiri pameran konsep teknologi hijau untuk meluaskan pemandangan terhadap kesan penggunaan teknologi terhadap alam sekitar.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Projek

Program **PAMERAN DAN POC BASIKAL DAN MOTOSIKAL ELEKTRIK** telah berjaya dilaksanakan pada **6 Jun 2026** di lokasi **Kolej Kediaman Lekiu**. Program ini melibatkan penglibatan aktif warga UTeM serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

Program ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meluaskan pandangan para mahasiswa terhadap pengangkutan mesra alam dan impaknya terhadap kadar penghasilan gas rumah hijau.

Melalui kaedah pameran, para pelajar akan menjadi lebih berminat untuk menggunakan kenderaan yang lestari dan mesra alam.

2.2 Jadual Pelaksanaan Projek

Jadual aktiviti adalah seperti yang berikut:

- **8:30 pagi:** Para pengunjung berkumpul di **Kolej Kediaman Lekiu** untuk melihat pameran teknologi mobiliti hijau
- **1:00 tengah hari:** Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program ini dilancarkan dengan tujuan mempamerkan sesi *Proof of Concept* (POC) basikal dan motosikal elektrik. Hal ini supaya masyarakat akan menjadi tertarik kepada penggunaan pengangkutan alternatif hijau.

Kesannya, para mahasiswa UTeM akan mempunyai pandangan yang baik terhadap kenderaan yang tak konvensional dan berunsur lebih eksperimental.

PROGRAM 10

PROGRAM "KARNIVAL PLANET LESTARI UTEM 2026"



1.0 PENGENALAN

Sebuah karnival pendidikan biasanya dianjurkan oleh sebuah pihak sebagai sebuah bentuk industri hiburan yang bertujuan untuk mendidik sebuah demografik sasaran seperti kanak-kanak, pelajar kolej mahupun orang dewasa. Kesan diharapkan oleh penganjur daripada program sebegini adalah nilai kesedaran berkenaan isu pencemaran alam sekitar akan menjadi lebih mudah dipupuk melalui taktik hiburan sambil pembelajaran.

Program karnival ini juga dijalankan sebagai sebuah inisiatif untuk membersihkan kawasan-kawasan di kolej dengan melibatkan golongan peserta yang berdaftar untuk menjalankan aktiviti-aktiviti program yang berunsur gotong-royong. Hal ini kerana permainan karnival sering kali melibatkan persaingan antara individu atau secara berkumpulan. Kesannya, para peserta akan bersaing untuk membersihkan kawasan universiti bagi mendapatkan markah tertinggi.

Dengan pelaksanaan program sebegini, golongan mahasiswa akan mendapatkan pelbagai ilmu berkenaan kepentingan menjaga alam sekira menerusi konsep "bermain sambil belajar" Oleh itu, masyarakat haruslah menyokong penganjuran program pendidikan kesedaran hijau supaya hasil pendapatan program menjadi cukup untuk menampung perbelanjaan kampus pada masa hadapan.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Projek

Program **KARNIVAL PLANET LESTARI UTEM 2026** telah berjaya dilaksanakan pada **6 Jun 2026** di lokasi **Kolej Kediaman Lekiu**. Program ini melibatkan penglibatan aktif warga UTeM serta pihak **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI).**

Sasaran program ini adalah untuk mengumpul dana bagi perbelanjaan umum UTeM seperti pembangunan infrastruktur kampus, kos penyelenggaraan dan penganjuran acara rasmi. Selain itu, untuk mendidik para pelajar tentang amalan hidup mesra alam serta mengeratkan hubungan setia kawan.

2.2 Jadual Pelaksanaan Projek

Jadual aktiviti adalah seperti yang berikut:

- **8:30 pagi:** Para pengunjung berkumpul di **Kolej Kediaman Lekiu** untuk menyertai **KARNIVAL PLANET LESTARI UTEM 2026**
- **1:00 tengah hari:** Program tamat

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Tujuan projek dilancarkan oleh Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI) adalah untuk menyatukan pelbagai aktiviti permainan yang berkaitan pendidikan kelestarian alam sebagai inisiatif untuk menyedarkan dan mendidik para pelajar universiti tentang cara memelihara alam sekitar melalui hiburan. Projek juga bertujuan untuk menyokong kos perbelanjaan universiti.

PROGRAM 11

PROGRAM "BRING YOUR OWN CONTAINER (BYOC)"

1.0 PENGENALAN

Program "*Bring Your Own Container*" ataupun "Bawa Pembungkus Anda Sendiri" merupakan sebuah inisiatif yang diperkenalkan untuk menggalakkan kalangan pelajar kolej untuk mengurangkan penggunaan pembungkus tidak mesra alam seperti polisterina dan plastik. Kesan yang diharapkan adalah pencemaran yang disebabkan pelupusan barangan yang tidak terbiodegradasi ke alam boleh dikurangkan dan dicegah. Program ini secara tidak langsung menyokong konsep 3R iaitu *Reduce, Reuse* dan *Recycle*, melalui pengurangan

penggunaan barangan pakai buang serta penggunaan semula barangan yang masih boleh dimanfaatkan.

Oleh itu, para pelajar amat digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program ini supaya mentaliti yang lestari serta mesra alam dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat masa hadapan.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Projek

Pelaksanaan **Kempen Bawa Bekas Sendiri: Guna Bekas, Kurangkan Plastik (Bring Your Own Container - BYOC)** telah dijalankan dengan jayanya pada Selasa, 11 Ogos 2026 bertempat di **Kafeteria Satria, Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** bermula jam 12:30 tengah hari hingga 2:30 petang.

Program ini melibatkan para mahasiswa UTeM, staf universiti serta pihak pengusaha Kafeteria Satria.

2.2 Jadual Pelaksanaan Projek

- **12:30 tengah hari** : Kehadiran Ahli Jawatankuasa(AJK),para pelajar UTeM dan kakitangan, penyediaan kaunter maklumat, pameran kesedaran, serta bahan hebahan di Kafeteria Satria, UTeM.
- **12:45 tengah hari** : Ketibaan peserta dan warga kampus; pengedaran poster hebahan serta penerangan ringkas mengenai objektif Kempen BYOC dan SDG 12.
- **1:15 tengah hari** : Aktiviti utama bermula kempen penggalakan penggunaan bekas makanan dan minuman sendiri sewaktu pembelian makanan di Kafeteria Satria.

- **1:45 tengah hari** : Pelaksanaan aktiviti *minigame* dan sesi temu bual bersama warga kampus, di mana peserta yang ditemu bual diberikan hadiah.
- **2:15 petang** : Sesi pengumpulan data penggunaan bekas serta penilaian impak ringkas kempen.
- **2:30 petang** : Sesi pembersihan kawasan kaunter dan program bersurai.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Projek *Bring Your Own Container* (BYOC) dijalankan sebagai sebuah inisiatif bagi memupuk amalan budaya membawa bekas makanan dan minuman untuk menggantikan bekas makanan pakai buang yang tidak boleh dikitar semula kepada golongan masyarakat universiti. Selain itu, program juga dianjurkan dengan tujuan untuk menjadikan kawasan UTeM lebih bersih dan mesra alam.

PROGRAM 12

PROGRAM TRASH TO CASH



1.0 PENGENALAN

Program Hari Kitar Semula melalui inisiatif "*Trash To Cash*" UTeM 2026 merupakan satu program yang dianjurkan oleh Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI) bagi memupuk kesedaran dan menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) serta komuniti setempat. Program ini memberi penekanan terhadap kepentingan pengurusan sisa yang baik melalui pengumpulan dan pengasingan bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Amalan kitar semula merupakan salah satu langkah penting dalam menjaga kelestarian alam sekitar kerana dapat mengurangkan jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan serta menggalakkan penggunaan semula sumber yang masih boleh dipakai.

Program ini turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab menjaga alam sekitar. Pengurusan sisa yang tidak teratur boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan menjejaskan kebersihan kawasan-kawasan kampus. Pengasingan bahan buangan mengikut jenis perlu dilakukan sebelum dihantar ke pusat pengumpulan. Melalui program ini, warga universiti dapat memahami bahawa usaha menjaga alam sekitar bukan sahaja menjadi tanggungjawab staf UTeM, sebaliknya memerlukan kerjasama daripada setiap individu.

Program ini juga dapat membentuk budaya yang lebih bertanggungjawab dalam kalangan warga UTeM. Penglibatan pelajar, staf dan komuniti semasa aktiviti kitar semula dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mengurangkan pembaziran serta memanfaatkan semula bahan yang masih boleh digunakan. Pada masa yang sama, aktiviti ini dapat menggalakkan kerjasama dan semangat kebersamaan antara warga universiti dan komuniti setempat.

Oleh itu, Program Hari Kitar Semula "*Trash To Cash*" UTeM 2026 merupakan satu inisiatif yang memberikan manfaat kepada alam sekitar. Program ini bukan sahaja menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula, malah membantu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Pelaksanaan program seperti ini diharapkan dapat melahirkan warga universiti yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran tinggi terhadap pengurusan sisa. Oleh itu, penglibatan berterusan daripada warga UTeM amat penting bagi memastikan budaya kitar semula dapat diterapkan dalam kehidupan seharian dan memberi impak positif kepada alam sekitar pada masa hadapan.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Program "*Trash To Cash*" UTeM 2026 telah diadakan pada 11 Februari 2026 yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program ini berlangsung di Kawasan parkir kereta Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM

Melalui program ini, peserta berpeluang membawa bahan-bahan kitar semula yang telah dikumpulkan dari rumah atau kawasan sekitar untuk ditimbang, diasingkan dan ditukarkan kepada pulangan wang tunai berdasarkan jenis dan berat bahan tersebut. Antara bahan yang diterima termasuk minyak masak terpakai, kertas, bateri kereta, besi, kotak, e-waste, aluminium, televisyen atau monitor serta botol plastik.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Program Hari Kitar Semula "*Trash To Cash*" memberikan pengalaman dan pengetahuan yang berguna kepada peserta. Program ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kitar semula, malah mendorong peserta untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih mesra alam dalam kehidupan seharian. Diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi menggalakkan lebih ramai masyarakat mengamalkan amalan kitar semula serta bersama-sama menjaga kelestarian alam sekitar.

PROGRAM 13

Program Plogging Tasik UTeM: "Jom Sihat, Jom Bersih! Run & Eco-Act."



1.0 PENGENALAN

Program Plogging Tasik UTeM: "Jom Sihat, Jom Bersih! *Run & Eco-Act*." merupakan satu program yang menggabungkan aktiviti riadah dengan usaha pemeliharaan dan penjagaan alam sekitar. Aktiviti ini memberi peluang kepada para peserta untuk menjaga kesihatan fizikal di samping menyumbang kepada kebersihan dan kelestarian persekitaran.

Penganjuran program ini dilihat sebagai satu usaha yang positif dalam membentuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan kawasan tasik yang merupakan salah satu ruang rekreasi yang sering digunakan oleh warga universiti untuk melakukan aktiviti riadah dan bersantai yang mana kebersihan kawasan tersebut perlu diberi perhatian bagi memastikan persekitarannya sentiasa bersih, selamat dan selesa untuk digunakan. Melalui aktiviti mengutip sampah sambil beriadah, peserta dapat memainkan peranan secara langsung dalam menjaga kebersihan kawasan Tasik UTeM.

Selain memberi manfaat kepada alam sekitar, program ini turut menekankan kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat. Aktiviti berjalan, berlari dan berjoging dapat membantu meningkatkan kecergasan fizikal serta menggalakkan peserta meluangkan masa dengan aktiviti yang lebih bermanfaat. Gabungan antara aktiviti fizikal dan aktiviti pembersihan menjadikan program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, malah turut memberikan impak positif kepada komuniti dan persekitaran.

Secara keseluruhannya, Program *Plogging* Tasik UTeM merupakan satu inisiatif yang memberi manfaat dari aspek kesihatan, kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Program ini bukan sahaja menjadikan aktiviti riadah lebih bermakna, tetapi turut menggalakkan peserta mengambil tindakan secara langsung dalam menjaga alam sekitar. Melalui penganjuran program seperti ini, diharapkan budaya hidup sihat dan amalan menjaga kebersihan dapat dipupuk secara berterusan dalam kalangan warga UTeM serta masyarakat sekeliling.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Program ***Plogging*** **Tasik UTeM: "Jom Sihat, Jom Bersih!** ***Run & Eco-Act.*****"** telah diadakan pada **21 Januari 2026**, bermula 5.00 petang hingga 7.00 petang. Program ini berlangsung di **Tasik Cemerlang UTeM .**

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROGRAM

Program *Plogging* Tasik UTeM: "Jom Sihat, Jom Bersih! *Run & Eco-Act*." ini memberikan kesedaran bahawa penjagaan alam sekitar boleh dilakukan melalui aktiviti yang mudah dan menyeronokkan. Aktiviti *plogging* menggalakkan peserta untuk melakukan senaman sambil mengutip sampah. Secara tidak langsung, aktiviti ini dapat meningkatkan tahap kecergasan fizikal serta memupuk sikap prihatin terhadap alam sekitar.

Program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran bekerjasama dan semangat berpasukan seperti melakukan aktiviti mengutip sampah secara bersama-sama, sekali gus mewujudkan suasana yang lebih positif dan menyeronokkan. Kerjasama antara peserta membantu memastikan kawasan sekitar Tasik UTeM menjadi lebih bersih dan selesa.

PROGRAM 14

PROGRAM PLOGGING "JEJAK HIJAU UTeM"

1.0 PENGENALAN

Plogging merupakan suatu aktiviti riadah inovatif yang menggabungkan amalan kecergasan fizikal (berjoging) dengan pemeliharaan alam sekitar (mengutip sampah). Istilah ini diadaptasi daripada gabungan perkataan Sweden *"plocka upp"* yang membawa maksud mengutip, dan perkataan *"jogging"*. Aktiviti ini mula dipelopori di Sweden pada tahun 2016 bagi menangani kebimbangan global terhadap pencemaran sisa plastik.

Projek ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan dan estetika di sekitar kawasan Kompleks Sukan UTeM. Melalui pelaksanaan program ini, kesedaran sivik dalam kalangan warga kampus dapat dipupuk secara langsung untuk mengatasi isu pembuangan sampah merata-rata yang berisiko menjejaskan kualiti sistem saliran serta mengundang ancaman banjir kilat.

Aktiviti ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada inisiatif kelestarian kampus yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB, khususnya yang menyentuh aspek kesihatan yang baik, pembangunan komuniti yang mampan, dan tindakan terhadap perubahan iklim.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Program yang dinamakan Jejak Hijau UTeM ini telah dianjurkan pada hari Selasa, 11 Ogos 2026, bertempat di Kompleks Sukan UTeM, Kampus Induk. Projek ini dijayakan secara aktif oleh para pelajar Diploma Sains Komputer (DCS), Seksyen 2, di bawah penyeliaan pensyarah, Puan Siti Rohana.

- **5.00 petang:** Peserta berkumpul di kawasan tempat letak kereta berbumbung di hadapan stadium sukan.
- **5.20 petang :** taklimat keselamatan dan pembahagian zon
- **5.30 petang :** aktiviti kutipan berlaku.
- **6.30 petang :** aktiviti tamat

Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dilengkapi dengan peralatan keselamatan seperti sarung tangan, beg plastik sampah, dan alat pengutip sisa.

Sisa pepejal yang dikumpul (seperti botol plastik, kertas, dan pembungkus makanan) diasingkan mengikut kategori bagi mendidik para peserta tentang kepentingan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) serta pengurusan sisa yang sistematik.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Projek ini memberikan impak segera terhadap persekitaran Kompleks Sukan UTeM melalui pengurangan sisa pepejal yang mencacatkan pemandangan, sekali gus mewujudkan kawasan rekreasi yang lebih kondusif dan selamat

Pengalaman praktikal secara langsung ini memberikan impak emosi yang mendalam, membantu peserta memahami kesan pencemaran plastik terhadap ekosistem serta membina tabiat membuang sampah secara bertanggungjawab

Aktiviti ini bukan sahaja menyumbang kepada aspek kesihatan fizikal (seperti membakar kalori, menguatkan otot kardiovaskular, dan meningkatkan stamina),malah turut mengukuhkan hubungan silaturahim, disiplin, toleransi, dan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan mahasiswa.

PROGRAM 15

KEMPEN PENGUMPULAN BARANG KITAR SEMULA

1.0 PENGENALAN

Pertambahan sisa pepejal yang dijana secara harian di kampus memerlukan satu pendekatan pengurusan sisa yang lebih efektif. Kempen Pengumpulan Barang Kitar Semula dirancang sebagai platform untuk menyalurkan bahan yang terpakai bernilai seperti kertas, plastik (PET dan HDPE), tin, dan aluminium terus ke dalam rantaian kitar semula.

Projek ini menyasarkan untuk menggalakkan nilai tanggungjawab bersama dalam kalangan warga kampus serta memupuk tabiat pengasingan sisa.

Inisiatif ini dirancang bagi mengatasi cabaran kekangan masa dan faktor jarak fizikal yang sering kali menghalang warga kampus daripada menghantar barangan kitar semula ke pusat pengumpulan utama universiti.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

Kempen ini telah dijalankan pada hari Selasa, 18 Ogos 2026, di Lobi Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), UTeM. Program ini diselaraskan secara bersama oleh pelajar Kumpulan 6, Kumpulan 8, dan Kumpulan 10 selaku penganjur, dengan bantuan dokumentasi visual daripada Kumpulan 5 di bawah bimbingan pensyarah, Puan Siti Rohana binti Omar

Kaunter pengumpulan beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Pengunjung yang hadir membawa bahan kitar semula dikehendaki mendaftarkan nama, menjalani proses penimbangan, dan merekodkan berat barangan bagi tujuan pengumpulan data inventori sisa.

Sebaik sahaja operasi kaunter tamat pada jam 1.00 petang, kesemua sisa yang dikumpulkan telah dipindahkan dan disalurkan ke tong kitar semula pusat UTeM yang terletak berhampiran masjid universiti.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Projek ini berjaya menghalang bahan kitar semula daripada terus dibuang ke tapak pelupusan sampah biasa, sekali gus menyumbang kepada penjagaan ekosistem kampus yang lebih mampan.

Pelaksanaan projek ini memberikan pengalaman secara langsung kepada pelajar penganjur dalam aspek kepimpinan, pengurusan logistik, pengurusan masa, komunikasi interpersonal, serta penyelesaian masalah secara kolaboratif.

PROGRAM 16



1.0. PENGENALAN

Pertandingan Pembudayaan Amalan Hijau dianjurkan untuk menggalakkan budaya menjaga kebersihan di tempat kerja dan di kawasan awam. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran warga UTeM terhadap amalan hijau serta menggalakkan PTj menguruskan sumber secara cekap. Selain itu, pertandingan ini dapat mencetuskan semangat kompetitif dalam kalangan PTj dalam melaksanakan amalan

hijau. Program ini dapat mengurangkan pembaziran tenaga, air dan sumber serta mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau.

Dalam lima penilaian utama, terdapat pengurusan tenaga. Antara kriterianya ialah penggunaan tenaga secara bijak dan efisien, pengurangan pembaziran elektrik serta menggalakkan penggunaan peralatan yang menjimatkan tenaga. Penilaian utama yang seterusnya ialah pengurusan sisa dan contoh kriterianya ialah pelaksanaan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*), pengasingan bahan buangan, pengurusan buangan terjadual dengan baik dan aktiviti pengumpulan bahan kitar semula. Selain itu, antara penilaian utama ialah pengurusan air, contoh penilaian ialah penggunaan air secara optimum, mengurangkan pembaziran air dan menggalakkan amalan penjimatan air.

Seterusnya, antara penilaian yang diambil ialah landskap kehijauan contohnya penjagaan kawasan hijau, penambahbaikan landskap PTj dan mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau. Akhir sekali, penilaian utama yang terakhir ialah aktiviti SDG contohnya aktiviti yang menyokong matlamat SDG, program kesedaran berkaitan kelestarian dan penglibatan penduduk UTeM dalam aktiviti alam sekitar.

2.0 PELAKSANAAN PROJEK

2.1 Pengenalan Pelaksanaan Projek

Pertandingan Pembudayaan Amalan Hijau dianjurkan oleh **Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEI)** dan melibatkan **Pusat Tanggungjawab (PTj) UTeM**. Projek ini dianjurkan **di PTj masing-masing** dan tarikh terakhir projek tersebut ialah pada **30 Oktober 2026**. Setiap PTj

perlu mendokumentasikan amalan menjaga kelestarian alam sekitar dan impak perbuatan mereka.

3.0 REFLEKSI DARIPADA PROJEK

Dari segi impak, program ini dapat membentuk budaya kerja yang lebih mesra alam. Selain itu, program ini dapat mengurangkan sumber yang di bazir dan mengurangkan jumlah sisa yang di hasilkan. Seterusnya program ini akan mewujudkan kampus UTeM yang lebih lestari dan dapat menyokong pencapaian SDG berkaitan penggunaan sumber tindakan terhadap iklim dan kelestarian alam sekitar.

Kesimpulannya, pertandingan ini merupakan inisiatif untuk PTj menunjukkan semangat komitmen mereka terhadap amalan hijau. Pelaksanaan ini juga telah membantu mewujudkan persekitaran kerja bersih dan membantu usaha UTeM untuk mencapai persekitaran kampus yang lebih bersih dan hijau.

Sumber

https://www.facebook.com/photo.php?fbid=1439140241572385&set=pb.100064292696145.-2207520000&type=3

4.0 RUJUKAN

https://www.facebook.com/photo.php?fbid=1439140241572385&set=pb.100064292696145.-2207520000&type=3